

**Manmohan Singh Gesa Komuniti India Di Seberang Laut Bantu Lonjakkan Ekonomi Negara
Bernama
8 Januari , 2012
Oleh P.Vijian**

JAIPUR, 8 Jan (Bernama) -- India, ekonomi ketiga terbesar Asia, mahu kira-kira 25 juta komuniti India di seberang laut membantu melonjakkan ekonominya, malah turut mengambil langkah berani meminda undang-undang untuk membenarkan hak mengundi dalam pilihan raya kebangsaan.

Berucap pada Pravasi Bharatiya Divas ke-10, iaitu konvensyen tahunan India global, Perdana Menteri Manmohan Singh berkata kerajaannya mengiktiraf sumbangan komuniti India di seberang laut kepada negara berkenaan.

"Kerajaan India dan rakyat India mengiktiraf serta menghargai peranan penting yang dilaksanakan oleh komuniti India yang tinggal di seberang laut.

"Kami percaya diaspora India mempunyai banyak perkara untuk disumbangkan kepada pembinaan India moden," katanya di Jaipur hari ini.

Gesaan beliau itu bergema apabila perkembangan pesat ekonomi India, yang dicemburui di seluruh dunia, tergugat berikutan inflasi domestik yang sukar pulih, nilai rupee yang semakin lemah dan ketidakstabilan ekonomi global.

Penganalisis dagangan India agak ragu-ragu dengan angka pertumbuhan tinggi yang dicatatkan, yang dinikmati selama beberapa dekad dan merobah India menjadi sebuah kuasa ekonomi dunia, namun kini berdepan ujian.

"Negara kita turut melalui waktu-waktu yang sukar. Namun begitu, asas ekonomi kita adalah kukuh dan proses perlembagaan kita pula teguh.

"Di sebalik persekitaran antarabangsa yang buruk, ekonomi India dijangka berkembang kira-kira tujuh peratus bagi tahun kewangan ini (sehingga Mac 2012)," katanya.

Perhimpunan tahunan selama tiga hari itu, dihadiri komuniti India terkemuka, termasuk ahli akademik, usahawan dan tokoh politik, yang diadakan di Jaipur, Rajashtan, di utara India.

Lebih 200 delegasi Malaysia adalah antara 1,900 peserta antarabangsa yang menghadiri perhimpunan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638624>

